



| | | | |
|-------------------|---|--------------------|-------------------------|
| Headline | Melaka Sesuai Dibangunkan Sebagai Hab Pendidikan | | |
| MediaTitle | Bernamea(www.bernama.com) | | |
| Date | 02 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 200 |
| Page No | 16 | Readership | 7 |
| Language | Malay | ArticleSize | 0 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 375 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,125 |

Melaka Sesuai Dibangunkan Sebagai Hab Pendidikan

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8725550228&z=1650248883](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8725550228&z=1650248883)

MELAKA, 2 Mei (Bernama) -- Selepas kejayaan kerajaan Melaka menempatkan negeri bersejarah ini dalam dunia pelancongan, ia kini telah dapat menempa nama sebagai destinasi pilihan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi dan sekunder. Pengarah Pusat Pembangunan SME Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Mohd Fauzi Mohd Jani berkata Melaka sebagai sebuah negeri maju dengan persekitaran kondusif, selamat dan bersih, telah menjadikannya sesuai dibangunkan sebagai antara hab pendidikan di negara ini. Setakat ini terdapat 50 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merangkumi 24 IPT awam dan 26 IPT swasta telah bertapak di negeri ini, katanya. "Ini yang menarik dalam pembangunan Melaka, bermula dengan kedatangan pedagang Cina dan India yang menjadi asas yang luas kepada Melaka suatu ketika dahulu, kini negeri ini sekali lagi menerima kedatangan pelancong dari negara berkenaan yang bukan sahaja datang untuk melihat sejarah dan kebudayaan tetapi juga untuk menuntut ilmu," katanya kepada Bernama. Menurutnya sektor pendidikan yang dibangunkan kerajaan negeri Melaka telah memainkan peranan utama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang di bandar bersejarah ini. "Melaka jadi tarikan kepada pelancongan jangka panjang, iaitu pelancong yang pada mulanya datang ke Melaka untuk melancong, tertarik dengan kewujudan banyak IPT dan akan belajar dalam tempoh dua atau tiga tahun di negeri ini, yang secara tidak langsung merancakkan ekonomi negeri dan juga menyumbang kepada pendapatan negara," katanya. Pengarah Bahagian IPT, Jabatan Ketua Menteri Melaka Mohd Rafiq Naizamohideen berkata kerancangan pertumbuhan IPT di Melaka adalah selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan yang mahukan rakyat di setiap negeri mendapat akses pendidikan yang sempurna. "Justeru itulah kerajaan negeri mengalu-alukan pembukaan banyak IPT di negeri ini dan sehingga kini terdapat 80,000 pelajar di seluruh IPT Melaka dan kerajaan negeri mensasarkan seramai 100,000 pelajar pada tahun 2015," katanya. Antara IPTA yang terdapat di Melaka ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM); Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM); Universiti Kuala Lumpur (UniKL); Universiti Terbuka Malaysia (OUM); Kolej Universiti Islam Antarabangsa Melaka (KUIM); Akademi Laut Malaysia Melaka (ALAM); dan Politeknik Melaka. IPTS yang terdapat di Melaka pula termasuk Universiti Multimedia (MMU); Kolej Teknologi Cosmopoint Melaka; Unifield Technology College; Universiti Lim Kokwing; dan Kolej Stamford Cawangan Melaka.